

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik
Mohamad [Pasir Puteh]**

TARIKH : 8 November 2016 (Selasa)

**SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik
Mohamad [Pasir Puteh] minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
apakah langkah Kementerian melalui
sektor pertanian dan industri asas tani
bagi meningkatkan pendapatan negara**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membantu meningkatkan pendapatan negara, Kementerian telah dan akan mengambil pendekatan dengan meningkatkan pengeluaran domestik dan mengurangkan kebergantungan import agromakanan seperti berikut:

- i) Melaksanakan pelbagai projek agromakanan makanan secara berskala besar dan komersial melalui projek-projek pemulaan (*Entry Point Project-EPP*) di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) seperti Projek Herba Bernilai Tinggi, Projek Sarang Burung Walit, Projek Taman Pengeluaran Makanan, Penternakan Akuakultur Melalui Sangkar Bersepadu dan Memperkukuh Tanaman Padi;
- ii) Pelaksanaan Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani;
- iii) Melaksanakan inisiatif-inisiatif baru bagi mengurangkan kebergantungan import seperti pembangunan Industri Jagung Bijirin bagi makanan ternakan, pembangunan industri tenusu dan pembangunan Specialty Product seperti Madu Kelulut; dan

iv) Mengoptimalkan produktiviti pengeluaran hasil dan melaksanakan pelbagai projek pertanian seperti Bantuan Peningkatan Pengeluaran Sayur-sayuran, Bantuan Tanaman Semula Buah-buahan Terpilih, Teknologi Fertigasi dan Projek Pembangunan Ruminan (PROPER);